

NO. SOALAN: 41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL (LIBARAN)

TARIKH : 7 NOVEMBER 2016

RUJUKAN : 9483

SOALAN :

Datuk Juslie bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan peranan dan sumbangan Malaysia dalam usaha merealisasikan semua negara dunia menangani keganasan secara menyeluruh, terutama ancaman kumpulan penganas Daesh.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Perlakuan keganasan di seluruh dunia pada masa kini jelas memperlihatkan bahawa ancaman itu adalah nyata dan semakin menular. Untuk itu, Kerajaan sentiasa komited untuk memerangi ancaman keganasan yang berkaitan dengan kegiatan kumpulan pengganas Daesh. Sebagai bukti, Kerajaan telah memberikan jaminan kepada semua rakyat Malaysia bahawa Kerajaan akan terus melaksanakan langkah-langkah yang perlu untuk melindungi mereka.

Jaminan ini telah diterjemahkan melalui siri-siri tangkapan yang dilakukan dari semasa ke semasa. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sehingga 7 Oktober 2016, sebanyak 255 orang yang mempunyai elemen Daesh telahpun ditangkap oleh pihak polis. Walaupun tangkapan telah dilakukan, negara masih tidak terkecuali menerima impaknya kerana serangan pertama oleh kumpulan pengganas Daesh di negara ini telah pun berlaku di mana insiden letupan bom tangan di sebuah kelab malam di Puchong pada 28 Jun 2016 yang mencederakan lapan orang. Keupayaan pengganas Daesh melancarkan serangan dengan menggunakan bahan letupan adalah bukti betapa mereka mampu untuk melaksanakan serangan melalui operasi bersenjata dan pengeboman di tempat awam.

Komitmen kerajaan ke arah melumpuhkan sepenuhnya rangkaian kegiatan keganasan yang berselindung di sebalik perjuangan jihad ini

turut diperkasa melalui strategi komprehensif. Dalam hal ini, Malaysia bersama-sama negara luar yang lain akan mengambil usaha berterusan untuk mempertahankan keamanan masyarakat dunia daripada sebarang bentuk ancaman militan.

Sehubungan itu, kerajaan dan pasukan keselamatan sentiasa memperhalusi perkembangan berkait kegiatan keganasan ini secara berterusan setelah mengambil kira trend ancaman keganasan secara global. Kerajaan melalui Kementerian Dalam Negeri dan Polis DiRaja Malaysia telah melaksanakan beberapa tindakan seperti berikut:-

- 1) Secara berterusan telah mengadakan kerjasama dari segi perkongsian maklumat dengan agensi-agensi perisikan luar negara khususnya negara-negara ASEAN. Hasil daripada perkongsian maklumat ini, pihak Polis telah membuat pemantauan rapi dan menjelaki mereka yang disyaki atau didapati terlibat dengan kumpulan-kumpulan pengganas; dan**
- 2) Kerajaan juga telah berkongsi pengalaman dan kepakaran susulan cadangan penubuhan Sekretariat Deradikalisisasi peringkat dunia bagi memerangi keganasan antarabangsa yang dibangkitkan oleh YAB Menteri Dalam Negeri semasa menghadiri Mesyuarat Menentang Keganasan (IMCT) di Bali, Indonesia pada Ogos 2016. Sekretariat tersebut dijangka akan ditempatkan di bawah kelolaan Pusat Serantau INTERPOL (Polis Antarabangsa) Singapura dan akan diselaraskan dengan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Persatu (PBB).**

Sesungguhnya ancaman kumpulan penganas Daesh ini adalah bersifat global dan tidak ada satu negara pun yang mampu menangani ancaman ini secara bersendirian. Oleh itu, kerjasama di peringkat serantau dan antarabangsa adalah satu pendekatan yang amat baik dan berkesan dalam menangani ancaman Daesh.

Menuju ke arah itu, Malaysia sentiasa memainkan peranan yang aktif dalam usaha merealisasikan semua negara dunia dapat menangani ancaman keganasan dengan perkongsian maklumat risikan di peringkat antarabangsa serta melaksanakan resolusi-resolusi menangani ancaman militan yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Malaysia khususnya Polis Diraja Malaysia telah berkongsi maklumat risikan dengan pasukan keselamatan Negara-negara lain dan berjaya menggagalkan cubaan serangan penganas di negara-negara berkenaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN

TARIKH : 7.11.2016

SOALAN : NO. 42

Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hasan [Parit] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah punca penolakan permohonan Quest University International Perak (QUIP) untuk menambah pelajar sedangkan universiti ini yang turut dimiliki oleh Kerajaan negeri Perak telah memenuhi semua kriteria dan keperluan Kementerian dari masa ke semasa tanpa prejudis dan campur tangan politik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kawal selia kualiti program perubatan dipantau oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Majlis Perubatan Malaysia (MMC), Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) dan Kementerian Kesihatan Malaysia bertujuan untuk mengekalkan kualiti graduan. Pengambilan pelajar bagi program perubatan oleh sesebuah Institusi Pendidikan Tinggi Swasta termasuklah Quest University International Perak adalah berdasarkan syor daripada MMC dan MQA yang mengambil kira keperluan guna tenaga negara dan keupayaan sesebuah institusi untuk mengendalikan program tersebut.